

Bumiputera boleh guna 'bin'

U.M - 6 AUG 1994

KUALA LUMPUR 5 Ogos — Masyarakat bumiputera yang bukan Melayu boleh menggunakan perkataan 'bin' dan 'binti' ketika menamakan anak mereka, kata Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, keputusan untuk membenarkan perkara itu telah dicapai di dalam mesyuarat Majlis Tertinggi parti itu, di sini, petang ini.

"Ini bermakna bukan

sahaja orang Melayu boleh menggunakan bin dan binti tetapi juga orang lain juga (bumiputera) jika mereka ingin menggunakannya," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat itu.

Perdana Menteri berkata, penggunaan perkataan bin dan binti hanya bermakna 'anak lelaki kepada...' atau 'anak perempuan kepada...' dan bukannya bermakna memeluk agama Islam.

Dr. Mahathir juga

memberitahu bahawa isu perantikan Jawatankuasa Penaja UMNO Kelantan akan ditentukan kemudian oleh beliau dan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Selain itu, katanya, Perwakilan Khas bahagian Pemuda dan Wanita akan mengadakan mesyuarat mulai 1 September hingga 30 September ini.

Mesyuarat MT juga, katanya, menyifatkan Kongres Pemimpin Muda Asia

Timur yang dianjurkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO adalah amat baik dan berfaedah.

"Ini untuk menunjukkan betapa pentingnya pemimpin muda ini berkenal-kenalan dan mempunyai hubungan supaya apabila mereka mengambil alih daripada generasi sekarang mereka boleh memahami betapa pentingnya hubungan baik di kalangan mereka," katanya.